

# Perjuangan berbaloi walaupun terpaksa korban banyak masa



Abdul Rahman Idris

**Serdang:** Menghabiskan masa untuk menyiapkan tesis pada usia 50 tahun mungkin bukanlah suatu perkara baharu memandangkan usia itu dikira masih 'muda' jika dibandingkan dengan graduan lain yang lebih berusia.

Bagaimanapun, kekurangan diri yang kudung tangan kanan tidak menghalang Abdul Rahman Idris, 55, untuk berjaya menamatkan pengajian Ijazah Doktor Falsafah (PhD) dalam bidang Kesusasteraan Melayu (Kesusasteraan Melayu Klasik) di Universiti Putra Malaysia (UPM), baru-baru ini.

Graduan Orang Kelainan Upaya (OKU) itu mengakui perjalanan untuk meraih kejayaan bukanlah tugas mudah, namun kini semuanya berakhir dengan kegembiraan apabila kini bergelar Dr Abdul Rahman.

"Tangan kanan terpaksa dipotong selepas terbabit dalam

sebuah kemalangan jalan raya ketika saya berusia 37 tahun.

"Bukan mudah untuk dihadapi, namun kekurangan itulah menjadi pemangkin semangat saya sebagai guru untuk berjaya dalam kehidupan seterusnya memberi contoh yang baik kepada ahli keluarga," katanya.

Bertugas sebagai guru di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Peramu Jaya, Pekan,

Abdul Rahman tidak melihat kejadian itu sebagai pengakhiran nasibnya, sebaliknya bangkit mengubah cara hidup dan berjaya seperti orang lain.

Beliau menasihati mereka yang turut bergelar seorang OKU seperti dirinya supaya tidak berputus asa, sebaliknya terus bersemangat untuk mem-

bina kehidupan lebih baik.

Majlis konvokesyen itu juga istimewa buat Abdul Rahman kerana turut disertai anak sulungnya, Nur Ruqaiyah, 33, yang memperoleh Ijazah Sarjana Sains (Komunikasi Keorganisasian) tetapi anaknya tidak dapat naik ke pentas kerana berada di hospital untuk melahirkan anak ketiga.

Berkongsi kejayaan sama

dengan menggenggam Ijazah PhD pada usia 57 tahun, Zulkafli Amat bagaikan tidak percaya perjuangan selama ini berbaloi walaupun terpaksa berkorban banyak masa bagi memastikan dirinya berjaya menamatkan pengajian.

"Saya banyak meluangkan masa di pejabat pada hujung minggu untuk memberi fokus dan mendisiplinkan diri bagi menyiapkan tesis pengajian.

"Selama 28 tahun saya bertugas sepanjang majlis konvokesyen di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), kali ini saya pula diraikan selepas tujuh tahun bergelar pelajar PhD," katanya yang turut merayakan kejayaan bersama-sama anaknya, Nazatul Husna, 25, yang mengikuti Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan.

